

## **PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO KEMUNCAK BULAN INOVASI UiTM 2025**

Penganjur:  
FAKULTI FARMASI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR

Unit Komunikasi Korporat mewakili pihak penganjur mempelawa seluruh warga UiTM (staf dan pelajar) untuk mengambil bahagian dalam pertandingan mencipta logo sempena sambutan **BULAN INOVASI DAN KUALITI UiTM 2025**.

### **1. OBJEKTIF PERTANDINGAN**

Pertandingan ini dianjurkan sempena Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2025, yang bertujuan menghimpunkan idea-idea kreatif dalam bentuk visual yang menggambarkan semangat inovasi, transformasi dan kelestarian kualiti UiTM. Objektif utama pertandingan ini adalah seperti berikut:

- Mewujudkan logo rasmi bagi Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2025.
- Menyerlahkan kreativiti dan bakat reka cipta dalam kalangan warga UiTM.
- Menggalakkan penglibatan aktif warga UiTM dalam aktiviti inovasi dan kualiti.

### **2. TEMA**

Ledakan Kreativiti

### **3. SPESIFIKASI REKAAN LOGO**

#### **3.1 Format Penyertaan**

Rekaan logo perlu disediakan dengan menggunakan aplikasi komputer dan disimpan dalam fail asal (*soft copy*) dalam bentuk JPEG, PDF atau AI (Adobe Illustrator)

#### **3.2 Format Rekaan**

- a) Maksimum **TIGA (3)** warna sahaja, tanpa penggunaan warna *gradient*
- b) Rekaan logo boleh dibuat dalam bentuk 2D atau 3D
- c) Warna dan bentuk pada setiap logo yang dicipta mesti disertakan dengan penerangan ringkas / rasional (maksimum 100 patah perkataan) dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- d) Logo yang direka perlu sesuai untuk digunakan dalam semua medium promosi Bulan Inovasi UiTM 2025 (poster, banner, media sosial, video, barang cenderamata, dll.)

#### **3.3 Keaslian Logo**

- a) Rekaan mestilah asli dan tidak melanggar mana-mana hak cipta pihak ketiga. Pihak sekretariat tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta logo.
- b) Tidak mengandungi unsur yang menyinggung sensitiviti kaum, agama dan budaya.

### 3.4 Hak Milik Logo

- a) Setiap penyertaan logo yang diterima tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik penganjur. Selain itu, penganjur mempunyai hak untuk menggunakan logo yang diterima dan mendaftarkannya sebagai hak milik harta intelek penganjur.
- b) Pihak sekretariat juga mempunyai hak untuk mengubah suai logo yang direka cipta oleh peserta.

## 4. SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Terbuka kepada semua staf dan pelajar UiTM
- 4.2 Setiap peserta boleh menghantar maksimum **TIGA (3)** penyertaan.
- 4.3 Setiap penyertaan perlu dihantar melalui **BORANG PENYERTAAN SECARA ATAS TALIAN** dan disertakan dengan muat naik *soft copy* logo yang direka. Pautan borang penyertaan: <https://forms.gle/rEVpQrD9YQn5hW2RA>
- 4.4 Tarikh tutup penghantaran penyertaan secara *soft copy* dan *hard copy* adalah sebelum atau pada jam **12.00 tengahari, 30 Jun 2025 (Isnin)**
- 4.7 Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.

## 5. KRITERIA PENILAIAN

- 5.1 Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep (tema dan nilai), kreativiti, dan keaslian oleh panel juri yang dilantik oleh sekretariat.
- 5.2 Keputusan panel juri adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
- 5.3 Pemenang akan dihubungi melalui telefon, e-mel atau pemberitahuan menerusi media.
- 5.4 Walau bagaimanapun, pihak penganjur berhak untuk tidak memilih pemenang dalam kalangan peserta yang bertanding sekiranya panel juri memutuskan bahawa tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang utama.

## 6. HADIAH

- Tempat Pertama (1 Pemenang sahaja): RM 500 beserta Sijil  
Tempat Kedua (1 Pemenang sahaja): RM 200 beserta Sijil  
Tempat Ketiga (1 Pemenang sahaja): RM 100 beserta Sijil